

Pertubuhan wanita tentang pernikahan bawah umur

➔ Perkahwinan jejas peluang kanak-kanak dapat pendidikan sempurna, terbeban kerja rumah, keluarga

Oleh Rozdan Mazalan dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelbagai pertubuhan wanita membantah sekeras-kerasnya perkahwinan kanak-kanak perempuan bawah umur bagi mengelak kesan terhadap kesihatan, psikologi dan mendedahkan mereka kepada risiko keganasan serta penderaan.

Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak bagi Kesamarataan Gender (JAG) dalam kenyataannya berkata, perkahwinan bawah umur juga tidak digalakkan dalam Islam.

Katanya, dalam konteks moden di negara ini, perkahwinan bawah

umur selaras dengan definisi rogol statutori iaitu hubungan seksual dengan kanak-kanak di bawah usia 16 tahun.

Jejas peluang dapatkan pendidikan formal

Tambahan pula, perkahwinan bawah umur akan menjejaskan peluang bagi perempuan untuk mendapatkan pendidikan formal termasuk dibebankan dengan kerja rumah dan keluarga.

"Perkara itu melanggar Artikel 3 dan 24 dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) untuk menjadikan perlindungan kanak-kanak sebagai keutamaan dalam mengambil tindakan lanjut oleh pihak berkuasa.

"Sudah ada negara majoriti Islam meningkatkan umur minimum bagi perkahwinan termasuk Algeria, iaitu usia 19 tahun bagi lelaki dan perempuan, Bangladesh (18 tahun bagi perempuan dan 21 tahun bagi lelaki), Morocco (18 tahun bagi lelaki dan perempuan) dan Turki (daripada 15 kepada 18 tahun bagi perempuan)," katanya satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Kenyataan itu mengulas isu perkahwinan seorang kanak-kanak berusia 11 tahun yang bernikah dengan peraih getah berusia 41 tahun berasal dari Gua Musang,

Kelantan tersebar di media sosial, sejak Sabtu lalu.

Pasangan itu yang bernikah pada 18 Jun lalu, di selatan Thailand mengejutkan orang ramai apabila gambar perkahwinannya mereka tersebar di media sosial selepas dimuat naik isteri kedua lelaki terbabit yang berusia 34 tahun.

Ambil kesempatan poligami

Katanya, pernikahan itu dikatakan dilangsungkan di Thailand juga menunjukkan kelompongan serius dalam perundangan yang membolehkan sesetengah pihak mengambil kesempatan untuk berpoligami tanpa pengetahuan isteri, justeru, perubahan amat diperlukan dalam hal ini.

Tindakan segera harus diambil oleh kerajaan bagi menegah perbuatan ini dan memastikan tindakan undang-undang tegas untuk menghentikan perkahwinan bawah umur di Malaysia serta-merta.

"Ini boleh dilakukan dengan meningkatkan umur perkahwinan bagi rakyat Malaysia, Muslim mahupun bukan Islam sama ada lelaki atau perempuan kepada 18 tahun, tanpa sebarang pertikaian," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, Yayasan Dakwah Islam Malaysia



Keratan akhbar BH semalam.



Perkahwinan adalah sunah Nabi, tetapi berkahwin dengan kanak-kanak tidak digalakkan dalam Islam. Namun, ramai orang Islam mahu mengikut perbuatan Rasulullah SAW yang mengahwini Saidatina Aishah"

Noor Aziah Mohd Awal,
Pengerusi Majlis Perunding
Wanita Islam Malaysia YADIM

(YADIM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata perkahwinan adalah sunah Nabi, tetapi berkahwin dengan kanak-kanak tidak digalakkan dalam Islam.

Namun, ramai orang Islam mahu mengikut perbuatan Rasulullah SAW yang mengahwini Saidatina Aishah.

"Ada penyelidik menyatakan umur Aishah tidak mungkin enam tahun ketika berkahwin dengan Rasulullah, tetapi berusia 16 tahun.

Gagal kawal nafsu

"Apa pun umur Aishah ketika berkahwin, kita perlu ingat tidak semua yang nabi buat kita perlu buat memandangkan Baginda adalah Rasulullah," katanya.

Beliau berkata, lelaki yang ada dua isteri dan berkahwin kali ketiga dengan kanak-kanak dianggap gagal mengawal nafsunya.

"Tidaklah rasa kasihan melihat seorang kanak-kanak yang sama seperti anaknya dipertlakukan seperti isteri.

"Malah, berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah dan di luar bidang kuasa Mahkamah Syariah juga adalah kesalahan di bawah enakmen negeri. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap lelaki ini," katanya.